

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[SIPITANG]**

**TARIKH JAWAPAN : -  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI  
TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah usaha  
diambil untuk memperbaiki sistem bekalan elektrik dan tarif elektrik sejak  
pelaksanaan GST.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelaksanaan GST mulai 1 April 2015 adalah juga dikenakan kepada perkhidmatan bekalan elektrik selaras Perenggan 4, Jadual 1, Akta Cukai dan Barangan 2014 khususnya bagi kegunaan melebihi 300 kWj sebulan. Dalam hal ini, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan sentiasa komited bagi memastikan perkhidmatan bekalan elektrik yang berkualiti, mencukupi dan berdaya harap pada kadar tarif yang munasabah sejak dahulu lagi tanpa menunggu pelaksanaan GST.

2. Bagi mempertingkatkan prestasi pembekalan elektrik negara, perancangan pembekalan elektrik merupakan usaha berterusan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi pembekalan elektrik negara dari semasa ke semasa. Prestasi pembekalan elektrik adalah diukur berdasarkan pencapaian Indeks Purata Tempoh Gangguan Bekalan Elektrik (SAIDI) yang merupakan indeks yang digunakan bagi menilai kadar gangguan bekalan elektrik yang dialami oleh seseorang pengguna dalam setahun. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) sentiasa memantau perkhidmatan yang diberikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) supaya

menepati kadar SAIDI yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi 55 minit/pengguna/tahun bagi pengguna-pengguna di Semenanjung, manakala di Sabah ianya telah ditetapkan tidak melebihi 280 minit/pengguna/tahun.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Kadar tarif yang ditetapkan tidak berubah dengan pengenaan GST di mana kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin, digunakan bagi mencerminkan kos pembelian tenaga yang mengambil kira perubahan harga terhadap kos bahan api dan penjanaan untuk dilepaskan kepada pengguna setiap 6 bulan. Selain itu, kos operasi dan pulangan ke atas aset terkawal (*regulated asset*) TNB iaitu tarif asas (*base tariff*) hanya akan disemak sekali setiap 3 tahun berdasarkan garis panduan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

4. Sehubungan itu, Kementerian bersama Suruhanjaya Tenaga akan sentiasa melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan tarif elektrik adalah kekal munasabah dengan bekalan yang terus berdaya harap supaya tidak membebankan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah meskipun dengan pengenaan GST.

\*\*\*\*\*

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan dalam projek bekalan air bersih di sekolah kawasan luar bandar di Sabah termasuk Parlimen Tenom dari tempoh 2010 hingga 2015.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek bekalan air bersih di sekolah kawasan luar bandar dibekalkan melalui sistem telaga tiub. Peruntukan bagi projek ini disalurkan seperti dalam kontrak Bekalan Air Sistem Telaga Luar Bandar secara berfasa. Kontrak yang ditawarkan untuk negeri Sabah dan Sarawak dengan kos keseluruhan bagi tempoh 2002 hingga 2021 berjumlah RM800 juta.

Untuk makluman, jumlah sekolah yang menerima bekalan air bersih pada tahun 2010 hingga 2015 di kawasan luar Bandar daerah Tenom adalah sebanyak 4 buah sekolah dalam Fasa 4 iaitu :

1. SK Tilis, Tenom
2. SK Batu Tiningkang, Tenom
3. SK Ulu Entabuan, Tenom
4. SK Kapulu, Tenom